



## SIARAN MEDIA

### TUMBUHAN AIR SOKONG KESEIMBANGAN EKOSISTEM DAN KELANGSUNGAN SUMBER PERIKANAN NEGARA

**PUTRAJAYA, 22 Mei 2026** – Sempena sambutan Hari Biodiversiti Antarabangsa 2026, Jabatan Perikanan Malaysia terus mempergiat usaha penyelidikan dan pemuliharaan biodiversiti perairan negara termasuk tumbuhan air yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem serta menyokong kelangsungan sumber perikanan negara.

Tumbuhan air yang hidup di kawasan sungai, tasik, paya, muara dan pesisir pantai merupakan antara komponen penting dalam ekosistem perairan. Spesies ini terbahagi kepada beberapa kategori termasuk tumbuhan timbul, terapung bebas, terapung berakar dan tumbuhan tenggelam yang masing-masing mempunyai fungsi tersendiri dalam habitat semula jadi hidupan air.

Selain menjadi kawasan perlindungan dan pembiakan bagi ikan, udang dan organisma kecil lain, tumbuhan air turut membantu mengekalkan kualiti air melalui penyerapan nutrien serta bahan pencemar secara semula jadi. Fungsi ini penting dalam mengurangkan kesan eutrofikasi yang boleh menjejaskan kehidupan hidupan air akibat kekurangan oksigen.

Ekosistem tumbuhan air juga berperanan sebagai penyerap karbon semula jadi yang cekap, khususnya di kawasan paya bakau dan *wetland*. Keupayaan ini membantu mengurangkan kesan perubahan iklim selain menyokong kestabilan tebing sungai dan kawasan pesisir daripada hakisan.

Melalui Institut Penyelidikan Perikanan Glami Lemi, Jabatan Perikanan Malaysia telah menjalankan pelbagai penyelidikan berkaitan tumbuhan air tempatan dan eksotik bernilai tinggi termasuk kajian kultur tisu, pengumpulan spesies untuk bank gen, pembangunan herbarium tumbuhan air Malaysia serta pemetaan spesies endemik terpilih di seluruh negara.

Sehingga kini, lebih 30 spesies tumbuhan air telah direkod dan dikaji oleh IPPGL termasuk daripada genus *Cryptocoryne*, *Anubias*, *Bacopa*, *Echinodorus* dan *Vesicularia* yang mempunyai nilai tinggi dalam industri ikan hiasan, landskap dan eksport tumbuhan akuatik premium.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato Haji Adnan bin Hussain berkata tumbuhan air bukan sahaja penting dari sudut biodiversiti, malah mempunyai nilai ekonomi yang semakin berkembang dalam pelbagai sektor termasuk akuakultur, industri ikan hiasan, rawatan air, farmaseutikal dan ekopelancongan.


“Kelestarian tumbuhan air mempunyai kaitan langsung dengan kesihatan ekosistem perairan dan sumber perikanan negara. Habitat ini bukan sahaja menyokong kehidupan pelbagai spesies hidupan air, malah turut membantu mengekalkan keseimbangan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti yang bergantung kepada sumber perikanan,” katanya.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900

Beliau berkata Malaysia mempunyai potensi besar untuk muncul sebagai hab pengeluaran tumbuhan air tropika di rantau Asia Tenggara berikutan kepelbagaian spesies tempatan, keadaan iklim yang sesuai sepanjang tahun serta permintaan yang semakin meningkat dalam industri akuarium, aquascape dan tanaman hiasan.

Dalam masa yang sama, Jabatan Perikanan Malaysia turut memberi perhatian terhadap ancaman pencemaran, pembangunan tidak terkawal dan pencerobohan spesies asing yang boleh menjejaskan spesies tumbuhan air tempatan serta keseimbangan ekosistem perairan negara.

Bagi memperkukuh usaha pemuliharaan sumber perairan, IPPGL turut merancang pelaksanaan kajian penghasilan tumbuhan air menggunakan teknologi pintar (smart farming) berasaskan Internet of Things (IoT) bermula tahun 2027 selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan industri semasa.

Jabatan Perikanan Malaysia menyeru semua pihak agar bersama-sama memelihara biodiversiti perairan negara sebagai khazanah semula jadi yang penting kepada keseimbangan alam, keterjaminan makanan dan kelangsungan sumber perikanan untuk generasi akan datang.

**-TAMAT-**

**Pautan gambar :**

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1Ly3Uh9PRPwDmi2ZtCvL8zbMC7Rd89Uh->

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)